



KUMPULAN PUISI

# Ada dalam Tiada



JAMDIN BUYONG



Sab 21584

Ada  
dalam  
Tiada

KUMPULAN PUISI

# Ada dalam Tiada

JAM DIN BUYONG

Ada dalam tiada kum



SAB00021584

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN DBP

Cawangan, Sabah.

No Kelas: 899-231 Jam

No. Perolehan: 0262 108

Tarikh: 10-11-08 T.T Tel

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

2008

Cetakan Pertama 2008  
© Jamdin Buyong 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jamdin Buyong  
Ada dalam tiada / Jamdin Buyong.  
ISBN 978-983-62-9979-6  
1. Sajak. 2. Malay poetry. I. Judul.  
899.231

Dicetak oleh  
Dawama Sdn. Bhd.  
Kompleks Dawama  
Lot 1037, Jalan AU3/1  
54200 Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

# KANDUNGAN

## *Mukadimah*

Ada dalam Tiada	1
Air Istana	2
Air Mata di Sungai Nil	3
Akar Sejarah	6
Angin Debu	7
Angin Merdu	8
Antara Pulau dan Pantai	9
Azhar di Lembah Luka	10
Balambangan dan Langkawi	13
Bandar Raya Kota Kinabalu	14
Bara Lagu	17
Bau Bibir Terakhir	18
Bau Neraka	20
Belaian Padi	21
Belanga Tua	23
Bendera Tengah Sawah	24
Berangkat Tanpa Pusaka	25
Bertanya	26
Bertemu Rindu	27
Budak dan Hujan	28
Bukan di Madinah	30
Bukan Kiamat	32
Bunga Rasau	33

## KANDUNGAN

Cahaya Hati	34
Cahaya Subuh	35
Cemburu Bintang Marikh	36
Cerita Malam Sebuah Kota	37
Cermin Diri	38
Cermin Pancarupa	39
Dalam Batin	40
Dayang Pulang ke Pulau	41
Desa Hilang	44
Di Awan Makkah	48
Di Rumah Ini	49
Dibungkus Rindu	50
Dua Tamadun	51
Dusun Permai	52
Erti Diri	54
Gelombang Besar	56
Gerimis di Pantai Menumbuk	57
Gigit Bibir	59
Greg	60
Gua Madai	61
Gugur dari Bibir Sendiri	63
Gulai Rindu di Daun Padi	66
Gulung Sejarah	67
Gunung Roti	68
Guru Teratak Kayu	69
Guru Wangi	70
Hantu Laut	72
Harga Diam	73
Harta Warisan	74
Harum dalam Diri	75
Hati Berkeping	76
Helang dengan Tsunami	77
Helang Malam Mencakar Bumi	78
Hilang Nyata	80
Hingga Bila	81
Hujan Iman	82
Hujan Rintik	83

KANDUNGAN

Jabal Uhud	84
Jangan Bunuh	86
Kaca Mata Atas Hati Luka	87
Kalau Menjadi Sungai	88
Kampung dan Banjir	89
Kampung Lendir	91
Kampung Pilu	92
Kekasih Sungai	93
Kematian Kekasih Bumi	94
Kepiluan	95
Kerak Nasi	96
Kereta Api Asap	97
Ketenangan	100
Kiblat Atas Peta	101
Kolam di Kaki Bukit	102
Kota-kota	104
Koyak Atas Darah	105
Lagu Hati	106
Langit Merah	107
Langit Merah di Teluk Marudu	108
Larak	111
Laut Bergulung	112
Laut Malaysia	113
Layar Putih	115
Lerai di Muara	116
Luka Sekampung	117
Mahligai Cinta	118
Malaya Almatinka	119
Masih Lembut dan Wangi	120
Mat Salleh Belum Mati	121
Matiinya Sebuah Perjuangan	122
Melayu Bajau	127
Membakar Diri	129
Menghadap-Mu di Baitullah	130
Mentari Atas Darah Kering	132
Mentari Mengalir	133
Menunggu Suami Pulang	134

## KANDUNGAN

Menutup Mata	136
Musim Tua	137
Nasib Puyu	138
Ombak	139
Pagi Maulud	140
Panggilan Pinggir Desa	141
Pantai Mati	143
Pelita Hati	145
Pelukis Zaman	147
Pemburu Hilang	149
Pemuja Kasih	151
Pendaki Bukit	153
Pengembara Alam	155
Penyair Luka	157
Perahu Hilang Pengayuh	158
Perbezaan	160
Perempuan Rumah Bambu	161
Pergi Sebelum Selesai	162
Pesan Abadi	163
Pintu Ternganga	164
Pondok Tanpa Bapa	165
Puncak Makna Diri	166
Rahsia dalam Rahsia	168
Rahsia Kota	169
Rata	170
Remaja Jamhur	171
Rindu Padi	173
Rindu Tidak Bertepi	175
Rumah dalam Kubur	176
Rumput Masih Wangi	177
Salam Kasih	178
Satu Perjalanan ke Alam Barzakh	179
Satu Timbunan Hati	183
Sawah dan Bumbung Merah	184
Sebatang Bambu Kering	185
Segar Kelopak Bunga	186
Sempit Jalan Kebumi	187

KANDUNGAN

Semua Lerai	188
Semulia-mulia Makhluk	189
Senyum Berkedut	190
Seorang Ayah di Bandar Raya	191
Seorang Ibu di Kaki Lima	192
Sepi dalam Sepi	193
Seri Bulan	194
Siapa Atas Dahan	196
Sinar Kebenaran	197
Sumpah dan Belati	199
Sungai Sarawak	200
Sungai Syariat	201
Syiar Luntur	203
Tamadun Berlapis	204
Tanah	206
Tanpa Dinding	207
Tetabuan	208
Tsunami dan Kolam Kaki Bukit	210
Warna Hati	211
Wasiat dalam Kaca	212

# MUKADIMAH

## I

Puisi ialah getar cahaya seni, dindingnya rasa, jika jendelanya terbuka, tembus ke kamar hati. Sifat dan tabii alam wahadaniah – ayat-ayat-Nya (tanda-Nya) dan warna-warni hidup makhluk menjadi inti. Dalam puisi ada laut rohani, sungai budaya, akar sejarah, lorong ilmu, parit luka dan bau rindu – semuanya peradaban alam dan manusia. Pancaran keindahan yang dicernakan untuk kejernihan dan kedamaian jiwa yang disulam dengan benang puisi yang halus dan lembut.

Banyak teman dan pengkaji sastera bertanya bagaimana untuk mendapatkan puisi saya dengan tandannya. Puisi saya memang sukar dikutip, malah oleh saya sendiri, kecuali jika rajin membongkar akhbar dan majalah tahun 1960-an dan 1970-an yang dipagari oleh pelbagai nama samaran, di samping dalam lebih 10 buah antologi bersama – pun bukan setandard puisi yang masak, ada yang hijau mentah.

Sebahagian besar karya puisi saya belum tersiar – tersisip di celah fail lusuh dan ada yang luluh. Malah, ada yang berpuluhan tahun digantung dalam kamar hati. Karya itu ialah anyaman pengalaman diri dan akwan, peristiwa di bibir mata dan penghayatan terhadap perangai alam dan manusia. Bagaimanapun, kebanyakan karya itu belum mekar dan memerlukan siraman air suntingan.

Saya mula menulis puisi sejak di sekolah rendah (akhir 1950-an) hingga menyeberang ke Sabah College. Sebagai penterjemah dan

Penolong Editor Melayu *Sabah Times* (1963–1965) dan Editor Melayu *Sabah Times* dan *Daily Express* (1965–1970) ialah kesempatan yang amat terbuka untuk saya menulis apa-apa sahaja, termasuk puisi (dalam usia mentah – bermula di tangga 17 tahun). Selain dapat mempertajam bakat, peluang ini sebenarnya memperdaya saya untuk menulis secara “hentam kromo”; justeru banyak tulisan saya termasuk puisi yang tersiar dalam akhbar pada masa itu kasar dan temberang, retak dan tempang; dan ada juga yang bergaya, tetapi bajunya berwarna berenda-renda menyilau mata.

Sebagai editor, saya juga berperanan menyunting puisi untuk disiarkan. Adakalanya puisi yang diterima berdepa-depa atau tidak sesuai disiarkan, maka saya terpaksa menaip puisi spontan untuk mengisi ruang kecil yang kosong – puisi “hentam kromo” atau diisi dengan kartun pojok. Halaman Melayu mesti siap sebelum senja. Meskipun kualiti akhbar pada masa itu rendah, termasuk halaman Melayunya, tetapi menjadi tumpuan masyarakat, kerana tidak ada saingan media lain di samping radio. Dengan itu, apa-apa sahaja yang disiarkan membuka selera. Pada masa itu tidak banyak projek pemerintah, tidak ada tumbuk rusuk dan para pemimpinnya jarang-jarang bercakap. Penyair pun ketandusan ilham dalam berkarya.

Apabila berkhidmat sebagai pegawai kanan dan ketua jabatan (1970–2002), amat jarang saya menghantar puisi untuk siaran. Walaupun terus menulis puisi, tetapi bukan untuk santapan umum – dikurung di dalam almari. Saya berbuat demikian kerana pada masa itu gelombang siasah di Sabah sentiasa berubah – silap lidah kuali tumpah. Saya beralih rasa ke bidang penyelidikan dan penulisan dalam aspek sejarah, bahasa, sastera, dan budaya secara serius. Saya memilih jalan keluar secara berani mengemukakan pandangan melalui kertas kerja atau makalah tanpa berselindung di belakang daun puisi. Bagaimanapun, apabila bertugas sebagai Setiausaha Akhbar kepada Ketua Menteri (2000 – sirih pulang ke gagang), keindahan puisi tiba-tiba kembali bersarang di atas dahan rasa yang digambarkan dalam rangkap:

Apabila bersemayam dalam mahligai  
dahi berkulit merah  
tumpul segala madah

kau tidak lagi mengalir atas lidah  
beku dalam dada.

Hari ini  
aku pulang ke pangkuan diri  
kembali kepadamu puisi  
masih lembut dan wangi.

## II

Sebagai Ketua Penolong Pengarah dan Ketua Biro Bahasa (1980–1994), saya sendiri berpeluang melihat cermin hidup masyarakat dan perangai alam sekeliling di celah-celah setiap pelosok negeri Sabah, termasuk di balik gunung yang sepi. Melalui jawatan inilah saya bekerja bersungguh-sungguh memperluas dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam dan Swasta tanpa malu dan takut. Di luar pejabat, selaku Setiausaha I Badan Bahasa, Sabah (1970–1986), bersama rakan-rakan segelanggang, saya bergiat menegakkan dan menggerakkan perkembangan bahasa dan sastera. Selepas 30 tahun, benarkah ada orang Melayu malu bercakap dalam bahasa Melayu dan serik dengan sastera bangsa?

Sebagai Pengarah Muzium Sabah (1994–1996), saya berpeluang pula bersama-sama merejah bukit, menyusup ke dalam perut gua, mengintai perangai unggas dan menghirup bau hutan. Batu-batan, ular, dan tengkorak menjadi teman.

Sebagai Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negari Sabah (1996–2000), selaku ketua gerakan dakwah, saya meninjau dari masjid ke masjid – lima waktu sepi, Jumaat padat dan hari raya melimpah. Di sini dapat saya menghayati kesungguhan manusia untuk mendekati kebenaran dan mengenali diri. Ada yang menjadi fanatik atau munafik. Ada yang terus terumbang-ambing dalam kekalutan dan ada yang bertemu dengan cahaya, tetapi kemudian tersimpang ke lorong lain. Di luar sana masih ramai manusia mencari Tuhan atau kehilangan Tuhan.

Saya pernah membujuk para imam dan pendakwah agar berdakwah dengan lembut, lemak, dan merdu. Bukan mudah memperkuuh akidah di tengah-tengah gelodak tuntutan hidup. Dakwah

tidak cukup kalau hanya terpancar di atas dahi dan hujung lidah. Dakwah ada di atas bulan, di atas daun, di atas air, di atas awan, di mana-mana dan, di atas bibir penyair.

Sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan Kebudayaan Malaysia – paling lama, selama 23 tahun (1979–2002), saya sempat berganding dengan para sarjana dan tokoh nasionalis budaya – bersama-sama memikul dan mengangkat budaya ke atas menara. Kami membongkar akar budaya, kami bertengkar tentang wahana dan wadah budaya, kami berbangga, kami kecewa, dan ada yang putus asa. Saya juga sempat singgah menjadi Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagai Pengurus Jawatankuasa Bahasa. Kami juga bertegang, kami kecewa, dan ada yang putus asa di gelanggang bahasa. Saya juga meninggikan suara di gelanggang GAPENA kerana bahasa. Akhirnya saya keluar dari semua gelanggang resah itu (selepas mandi akal dan keringat selama 40 tahun). Di gelanggang itu saya dapat menyelami lubuk gundah cendekiawan bangsa. Saya terhidu keresahan Awang Had Salleh, Mohd.Taib Osman, Asmah Haji Omar, Ismail Hussein, Azah Aziz, Hassan Ahmad, Aziz Deraman, Awang Sariyan, Nik Safiah Karim, dan seumpamanya. Suara mereka ialah akar dan tamadun budaya bangsa yang harus terus tumbuh dan mekar. Suara mereka tidak wajar dibiarkan tertangkap oleh tudung sejagat.

Dari gelangan inilah saya menyulamkan rasa kecewa sebagai tanda kasih dan rindu kepada semua sahabat segelanggang dan sama-sama kecewa, seperti teruntai dalam rangkap:

Jika benar  
kau tidak berani mengukur bulan  
apalagi menghitung bintang  
maka kau tidak akan tahu mengira jari  
lupa harga beras dan ikan bilis.

(Gugur dari Bibir Sendiri)

Jangan bunuh bahasaku  
bunuhlah aku  
atau hatimu.

(Jangan Bunuh)

**III**

Saya mengenali sebahagian alam Malaysia, bukan setakat bahang, manusia dan warna bandar dan pekan, bahkan mencium sebahagian bau sungai, banjaran bukit, lemak, sawah dan rimbun hutan belantara. Saya juga terhidu harum pelbagai norma dan nilai hidup masyarakatnya.

Warna-warni dan bau perjalanan itu telah dikutip dan disimpan di dalam kamar hati – sebahagiannya diletakkan di dalam bakul puisi, dan ada ditenun di atas kertas putih.

Atas tuntutan teman-teman dan pengkaji sastera, saya telah menyempurnakan puisi yang tersisip, tanpa baju dan puisi yang pernah tersiar di dalam akhbar, majalah dan antologi bersama dengan sedikit sentuhan. Seratus lima puluh empat buah puisi di dalam antologi ini adalah sebahagian karya saya semenjak 1960-an hingga 2004.

Sebagai penggerak bahasa, sastera dan budaya, saya amat mengharapkan tumbuhnya karya-karya puisi cemerlang dalam bahasa Melayu. Harapan ini sering kali saya lontarkan kepada penyair muda – provokasi kepada rakan warisan. Saya dan rakan-rakan yang pernah produktif mewarnai tahun 1960-an dan 1970-an dengan puisi tidak lagi mampu mengasah kalam untuk membawa puisi cemerlang. Saya mencabar para penyair yang masih segar dan mampu mengasah pahat ilmu agar berusaha melarik puisi cemerlang untuk meletakkan sastera bahasa Melayu setara dengan sastera bahasa dunia yang lebih kembang.

**IV**

Saya banyak menyulam pengalaman lama yang pernah dengan perigetir, rindu-sendu dan pilu-sayu. Sulaman ini boleh membawa kita pulang ke akar – menyelam sendiri ke lubuk lara. Dengan ini, kita tidak mudah lupa kepada asal diri. Banyak orang tidak suka akan penonjolan warna air mata, derita dan sengsara. Tetapi hakikat ini tidak dapat disisip di bawah bantal, walaupun terjadi 40–60 tahun yang lampau (kesan penjajahan). Generasi hari ini dan akan datang yang tidak pernah merasai dan melihat langit derita, sungai menangis, tungku dapur dan belanga tua, harus insaf tentang betapa peritnya jika dijajah (semula).

Kemiskinan pada zaman penjajah bukan milik kelompok tertentu, tetapi menyepit hidup hampir setiap penghuni murba. Mereka yang mempunyai sekerat sawah atau sebuah perahu kecil dapatlah semangkuk nasi, yang lainnya tidak ada yang dikais siang atau malam. Hidup saya juga bermula di atas lantai kemiskinan yang retak dan patah, seperti ungkapan.

Usah kita kesal hidup begini  
Anak besar dengan pucuk ubi  
Lauk masin ikan keli.

(Kerak Nasi)

Meskipun didera derita semasa kecil, saya tetap ada kekuatan diri seperti terungkai dalam rangkap.

Tetapi aku terpaksa berkawan dengan ombak  
kerana di bawahnya  
ada beras  
penyambung zuriat.

(Ombak)

Saya tidak selamanya tidur dan berpeluk dengan bantal derita, tetapi bangun dan berjuang membakar lara hingga padam. Namun, selepas merdeka, kerling mata terpandang masih ada penghuni derita:

Apalah ertinya  
mentari atas bumbung  
bulan atas tangga  
jika air mata gugur  
atas belanga tua.

(Belanga Tua)

Dalam menghadapi tuntutan hidup seterusnya, pelbagai warna dirasai dan dilihat yang mengisi dan membungkus puisi saya. Sebahagiannya berwarna-warni dan berbau lama tetapi sebagaimana kata-kata penyair Heinrich Heine:

*"The story is an old one,  
but stays forever new,*

*and when it falls to someone,  
it breaks his heart in two".*

Ombak tsunami seolah-olah telah turut menenggelamkan seluruh warna derita yang terungkai di dalam antologi ini. Saya pernah mengalami musibah kematian anak tersayang, yang bergelut dengan maut di bawah air tenang. Peristiwa itu telah saya abadikan dalam "Kolam di Kaki Bukit". Bagaimanapun, tsunami telah mengingatkan saya betapa sengsara dan deritanya kaum keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian maha dahsyat itu. Malapetaka itu mengundang saya melukiskannya dalam beberapa puisi, antaranya "Laut Bergulung" agar sentiasa menginsafkan kita yang masih hidup:

Tidak ada lagi rupa  
tidak ada bunga  
tidak ada lagi semut  
segala-galanya remuk mumut.  
Ujian untuk mereka  
amaran bagi kita.

(Langit Bergulung)

Dakwah ada tertibnya – harus dari bibir bersih hati jernih. Tetapi bukan sesuatu yang tidak bijaksana jika dakwah tersulam dalam madah rindu dan teruntai dalam rintihan pedih – mengalir di sungai iman:

Jika putus oleh gunting takdir  
belayarlah di lautan abadi  
siapkan layar putih.

(Layar Putih)

## JAMDIN BUYONG

## Ada dalam Tiada

**A**pabila bersemadi  
di bawah mentari rebah  
maka kita hilang  
ada dalam tiada  
mengira waktu aksa.

Putatan, 1975

## Air Istana

Di bawah warna pelangi kota  
ialah akar sejarah tua  
terbenam kaku di dasar zaman  
tidak ada lagi bau  
tulang-tulang istana  
taman Parameswara  
atau selipar Sultan Mansur Syah.

Alfonso angkara pusara  
Formosa pembunuhan daulat  
mati ditikam Belanda.

Pun begitu  
aku terhidu harum  
dari makam  
dan bau darah  
keris Jebat dan Tuah.

Mana mahkota  
cokmar emas  
mana leming hulubalang  
dan tanjak Tuah.

Aku amat dahaga  
berilah aku seteguk minum  
air istana  
yang telah hilang  
hanyut di Selat Melaka.

Kg. Bacang, Melaka, 1971

## Air Mata di Sungai Nil

**S**eparuh malam di Kaherah  
aku diusik gundah  
Musa memegang bahuku lembut  
membisik kata-kata duri  
khabar hiba dari gunung  
bisanya menggunting kalbu.

“Pagi esok, baliklah ke tanah air  
kedutaan akan uruskan perubahan tiket  
anak sakit tenat di hospital”  
Musa memegang erat tanganku  
aku faham maksud.

Lidah mati sepi  
fikirku jauh hanyut  
di tengah laut sejarah perih.

“Bersabarlah,  
Insya-Allah, dengan pertolongan-Nya,  
anak selamat,  
jika perlu, kita uruskan rawatan ke luar negeri”  
bisikan yang suci itu  
adalah penawar pilu.

Pipi ini masih sejuk  
baru saja kering dari air mata pedih  
yang mengalir  
ditikam sejarah walang  
berangkat pulang awal pagi  
putera puteriku ke alam abadi.

Bibir hati bertanya  
apakah kami

dihukum sekali lagi  
lantai rumah kering  
kembali basah  
derai air mata.

Malam merangkak jauh  
kami pun beredar ke kamar  
kubuka pintu belakang  
duduk di serambi lengang  
rambut diurai angin nipis  
dari pasir Sinai.

Mataku melentur jauh  
atas kota semakin redup  
♦  
kuintai bintang atas awan rawan  
belayarlah aku atas laut malam bisu  
hingga ke pintu subuh.

Oh bulan di langit tinggi  
sampaikan salam rindu  
kepada puteraku  
jauh di sebalik bumi  
khabarkan aku di sini  
atas Sungai Nil  
di bawah langit Mesir  
memohon kepada-Nya  
limpahkanlah kudrat dan iradat  
hidayah dan rahmat  
lindungi puteraku.

Esoknya  
di bawah lampu subuh lesu  
aku meluncur merentas kota  
aku tidak lagi terpegun melihat senyumannya  
dari bibir sejarah yang panjang  
kerana bijaksana dan nuraniku  
bersama bintang

telah pun sampai ke tanah air  
di pipi puteraku.

Kaherah dan bumi Mesir  
doakan puteraku  
semoga aku  
dapat datang lagi  
bersamanya  
untuk mendakapmu  
sepuas hati.

Bumi Syafii  
maafkan aku  
kerana tidak lama bersamamu  
belum puas menuai rindu  
menyelam ke dasar hati.

Kuttinggalkan setitik  
air mata perih  
di Sungai Nil.

Kaherah, 7.7.1997  
Singapura, 8.7.1997